PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar pinjaman secara relatif terus stabil

Kadar Dasar Semalaman (overnight policy rate, OPR) dikekalkan pada 3.50% sepanjang suku kedua 2007 kerana paras semasa kadar dasar terus selaras dengan prospek jangka sederhana inflasi yang rendah dan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Memandangkan OPR tidak berubah, kadar antara bank semalaman purata adalah stabil, bergerak dalam julat yang kecil antara 3.48% hingga 3.51% bagi tempoh 1 April - 15 Julai. Walaupun mudah tunai meningkat, didorong sektor luaran, kadar antara bank juga secara relatif terus stabil kerana langkah pensterilan yang aktif oleh Bank Negara Malaysia telah dapat membendung pertumbuhan mudah tunai.

Dari segi kadar pinjaman, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan tidak berubah pada 6.72%. Kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) lebih rendah sedikit pada 6.49% pada akhir bulan Jun, berbanding dengan 6.54% pada akhir bulan Mac kerana persaingan sengit antara bank memberikan tekanan menurun atas kadar pinjaman baharu. Kadar disebut purata bagi deposit tetap bank perdagangan untuk tempoh matang 1 bulan dan 12 bulan secara relatif tidak berubah, dalam julat antara 3.09% hingga 3.71% pada akhir suku kedua (S1: 3.10% hingga 3.71%).

Purata Wajaran Harian Kadar Antara Bank Semalaman



Kadar Faedah

	2006	2007	
	S2	S1	S2
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.50	3.50	3.50
Kadar antara bank			
Semalaman	3.51	3.50	3.50
1 bulan	3.78	3.55	3.54
Kadar pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.72	6.72	6.72
Kadar pinjaman purata (ALR)			
Bank perdagangan	6.55	6.54	6.49
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
3 bulan	3.18	3.18	3.17
12 bulan	3.75	3.71	3.71

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan
(Purata bagi tempoh)



Operasi Mudah Tunai Bank Negara Malaysia
(Pada suku tahunan, RM juta)



Agregat Monetari



Penentu-Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh				
			2006		2007
	S2	S3	S4	S1	S2
	RM bilion				
M3	**9.7**	**15.7**	**44.0**	**28.9**	**-0.6**
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-12.0	-2.3	19.9	1.0	-20.7
Tuntutan ke atas sektor swasta	14.8	6.5	7.9	5.2	15.5
Pinjaman	*12.0*	*9.1*	*8.2*	*8.1*	*12.8*
Sekuriti	*2.7*	*-2.6*	*-0.3*	*-2.9*	*2.7*
Operasi luar bersih[1]	11.3	11.9	22.7	37.3	40.7
BNM	*14.2*	*2.0*	*5.2*	*19.9*	*31.5*
Sistem perbankan	*-2.9*	*9.9*	*17.4*	*17.5*	*9.2*
Pengaruh lain	-4.3	-0.3	-6.4	-14.7	-36.1

[1] Sebelum penilaian semula

M3 terus berkembang

M1 atau wang secara kecil, yang merupakan ukuran baki urus niaga, berkembang pada kadar tahunan yang lebih perlahan, iaitu 16.2% pada akhir suku kedua (S1: 17.9%), terutamanya mencerminkan pertumbuhan mata wang dalam edaran yang lebih perlahan. Pertumbuhan deposit permintaan secara relatif terus stabil, dengan peningkatan berterusan dalam penempatan deposit oleh sektor perniagaan dan individu.

M3 atau wang secara luas meningkat pada kadar tahunan 12.6% pada akhir bulan Jun (S1: 14.2%). Pada asas suku tahunan, M3 menurun sedikit, iaitu sebanyak RM0.6 bilion. Aset asing bersih meningkat dengan kukuh pada suku kedua berikutan aliran masuk yang lebih tinggi dalam bentuk perolehan eksport, pelaburan asing dan pelaburan portfolio bersih. Tuntutan terhadap sektor swasta juga berkembang dengan peningkatan pinjaman terkumpul serta pegangan sekuriti hutang swasta yang lebih tinggi oleh sistem perbankan.

Bank Negara Malaysia, melalui operasi pensterilannya, telah mengehadkan impak aliran masuk atas pengembangan wang secara luas. Ini dicapai melalui peningkatan penggunaan Nota Monetari Bank Negara (Bank Negara Monetary Notes, BNMNS).

BNMNS diperkenalkan berikutan pindaan kepada Akta Bank Negara Malaysia 1958, pada lewat tahun 2006, dan kini merupakan instrumen pengurusan mudah tunai yang utama.

Kesan operasi Kerajaan juga menyumbang kepada penyederhanaan dalam pertumbuhan M3 pada suku kedua, apabila deposit Kerajaan dengan Bank Negara Malaysia meningkat, mencerminkan terbitan sekuriti Kerajaan di samping hasil daripada cukai.

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)		
	2006	S2 06	S1 07	S2 07[a]	2006	S1 07	S2 07[a]
Jumlah pembiayaan kasar	**552.6**	**141.6**	**135.1**	**155.7**	**-2.3**	**-2.3**	**10.0**
Pengeluaran pinjaman*	519.9	133.4	129.2	136.7	-1.6	-1.4	2.5
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	30.7	7.8	5.1	18.5	-0.1	-25.5	136.1
Ekuiti	1.9	0.4	0.8	0.5	-69.7	108.5	33.4
Jumlah pembiayaan terkumpul (A)+(B)	**45.4**	**16.3**	**11.0**	**22.7**	**6.2**	**6.1**	**6.8**
Sistem perbankan	46.7	17.6	9.4	16.5	7.9	7.8	7.4
Pinjaman terkumpul (A)	*34.9*	*13.0*	*8.6*	*12.5*	*6.3*	*6.2*	*6.0*
Pegangan PDS	*11.8*	*4.6*	*0.8*	*4.0*	*33.4*	*32.2*	*27.2*
PDS terkumpul (B)	10.5	3.3	2.4	10.3	6.0	5.6	9.4
Memoranda							
PDS kasar (termasuk Cagamas)	38.2	10.8	7.6	21.0	1.8	-28.3	94.5

[a] Awalan
* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Pembiayaan lebih tinggi pada suku kedua

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Pembiayaan kasar sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal lebih tinggi pada suku kedua, berjumlah RM155.7 bilion (S1: RM135.1 bilion). Ini disebabkan terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) yang lebih tinggi dan peningkatan pengeluaran pinjaman. Peningkatan PDS mencerminkan pembiayaan untuk aktiviti penyatuan dan pengambilalihan (M&A) pada bulan April. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 6.8% pada akhir bulan Jun (akhir S1: 6.1%).

Permohonan dan kelulusan pinjaman lebih tinggi dengan ketara pada asas tahunan, terutamanya didorong oleh sektor perniagaan dan sebahagian kecilnya oleh sektor isi rumah. Dalam sektor perniagaan, permohonan dan kelulusan pinjaman yang tinggi pada suku kedua dicatat terutamanya oleh sektor pengangkutan, penyimpanan dan telekomunikasi. Ini terutamanya mencerminkan permohonan dan kelulusan untuk pembiayaan pada bulan Mei dan Jun di bawah kemudahan pinjaman penyambung bersindiket yang besar. Di samping itu, pelancaran projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan juga menyumbang kepada peningkatan permintaan terhadap pinjaman perniagaan, terutamanya oleh sektor pembinaan dan industri perkilangan berkaitan pembinaan, seperti besi dan keluli, keluaran galian bukan logam dan logam yang direka. Bagi sektor isi rumah, peningkatan permohonan dan kelulusan pinjaman terutamanya disebabkan oleh pinjaman bagi pembelian harta kediaman. Faktor yang mempengaruhi peningkatan permohonan dan kelulusan pinjaman perumahan ialah adanya pelbagai pakej pembiayaan yang ditawarkan oleh institusi kewangan dan juga pemansuhan cukai untung harta tanah yang diumumkan Kerajaan.

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan %			
	2006	S2 06	S1 07	S2 07[p]	2006	S2 06	S1 07	S2 07[p]
Jumlah								
Permohonan pinjaman[n]	300.8	76.0	83.5	119.5	-1.5	-6.0	21.5	57.2
Kelulusan pinjaman[n]	188.3	47.5	53.1	83.2	-2.0	0.0	20.4	75.0
Pengeluaran pinjaman[n]	519.9	133.4	129.2	136.7	-1.6	2.9	-1.4	2.5
Bayaran balik pinjaman[n]	478.2	119.9	118.0	123.0	-2.1	-0.5	-0.1	2.6
Perubahan pinjaman terkumpul*	34.9	13.0	8.6	12.5	6.3	8.6	6.2	6.0
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan**								
Permohonan pinjaman[n]	159.8	41.0	44.4	71.7	4.4	0.4	23.3	75.1
Kelulusan pinjaman[n]	95.3	23.4	29.7	53.7	7.9	15.3	41.2	130.0
Pengeluaran pinjaman[n]	368.8	94.3	90.0	96.3	-1.6	2.6	-3.9	2.1
Bayaran balik pinjaman[n]	349.9	89.1	81.3	86.6	-4.6	-1.9	-6.2	-2.7
Perubahan pinjaman terkumpul*	9.4	6.2	4.0	6.1	4.2	4.4	6.2	6.0
PKS								
Permohonan pinjaman[n]	70.1	18.8	19.9	23.5	t.b	t.b	52.8	25.2
Kelulusan pinjaman[n]	39.1	9.5	10.6	14.2	t.b	t.b	40.6	49.0
Pengeluaran pinjaman[n]	133.2	36.7	32.7	34.8	t.b	t.b	11.0	-5.5
Perubahan pinjaman terkumpul*	6.5	2.3	2.8	1.2	t.b	t.b	6.2	6.8
Syarikat besar								
Permohonan pinjaman[n]	89.6	22.2	24.5	48.2	t.b	t.b	6.5	117.4
Kelulusan pinjaman[n]	56.1	13.8	19.2	39.5	t.b	t.b	41.5	185.7
Pengeluaran pinjaman[n]	235.6	57.6	57.3	61.5	t.b	t.b	1.0	-5.5
Perubahan pinjaman terkumpul*	2.9	3.9	1.2	4.9	t.b	t.b	6.2	6.8
Isi rumah								
Permohonan pinjaman[n]	141.1	35.1	39.1	47.8	-7.3	-12.6	19.5	36.2
Kelulusan pinjaman[n]	93.1	24.2	23.4	29.4	-10.4	-11.3	1.3	21.8
Pengeluaran pinjaman[n]	151.1	39.1	39.2	40.5	-1.7	3.5	4.9	3.5
Bayaran balik pinjaman[n]	128.3	30.8	36.7	36.4	5.6	3.8	16.8	18.0
Perubahan pinjaman terkumpul*	28.7	6.5	3.8	5.6	9.4	13.2	7.6	7.2

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh
** Berikutan penambahbaikan terhadap Sistem Statistik Institusi Kewangan (FISS) pada April 2006, dan bagi mengekalkan kebolehbandingan pada asas tahunan bagi permohonan, kelulusan, pengeluaran dan bayaran balik pinjaman, kategori bagi perusahaan perniagaan telah diperluas dengan merangkumi pinjaman kepada pelanggan lain iaitu institusi kewangan bukan bank, Kerajaan, entiti bukan perusahaan perniagaan milik tempatan serta entiti asing. Pinjaman ini mencakupi sebahagian kecil daripada jumlah pinjaman berbanding dengan pinjaman kepada perusahaan perniagaan. Trend kadar pertumbuhan masih sama seperti sebelum perluasan kategori tersebut
[n] Angka tidak bercampur disebabkan penggenapan
[a] Awalan. Data tertakluk pada semakan, berikutan perubahan dalam pengelasan penunjuk pinjaman mengikut sektor dan tujuan ekonomi
t.b. Tidak berkenaan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pengeluaran pinjaman pada asas tahunan juga meningkat. Mengikut sektor, peningkatan pengeluaran pinjaman terutamanya berpunca daripada sektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan dan sebahagian kecilnya oleh sektor perkilangan dan pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi. Sebanyak 45% daripada jumlah pengeluaran pinjaman tersebut dikeluarkan kepada syarikat besar, 30% kepada sektor isi rumah dan 25% kepada perusahaan kecil dan sederhana.

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	2006	S2 06	S1 07	S2 07*		
	RM bilion				%	
Perusahaan perniagaan	368.8	94.3	90.0	96.3	70.4	39.9
Syarikat besar	*235.6*	*57.6*	*57.3*	*61.5*	*45.0*	*22.6*
PKS	*133.2*	*36.7*	*32.7*	*34.8*	*25.4*	*17.4*
Isi rumah	151.1	39.1	39.2	40.5	29.6	55.8
Mengikut sektor						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	13.9	4.0	3.1	3.3	2.4	2.2
Perlombongan dan kuari	2.0	0.7	0.3	0.6	0.4	0.2
Perkilangan	118.9	29.9	32.5	32.7	23.9	11.5
Pembinaan	30.5	7.9	7.6	8.4	6.1	5.1
Harta tanah	10.5	3.4	2.4	3.0	2.2	2.9
Bekalan elektrik, gas dan air	2.9	0.4	0.3	0.3	0.2	0.6
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	90.7	25.0	20.5	21.7	15.9	8.6
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	10.3	2.8	2.5	4.4	3.2	2.3
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	42.1	9.8	10.3	13.5	9.8	6.3
Kredit penggunaan	100.4	25.8	25.4	25.1	18.3	23.8
Antaranya:						
Kad kredit	*48.9*	*11.2*	*13.8*	*13.1*	*9.6*	*3.4*
Pembelian kereta penumpang	*32.9*	*8.9*	*7.2*	*7.5*	*5.5*	*16.1*
Jumlah	**519.9**	**133.4**	**129.2**	**136.7**	**100.0**	**100.0**

* Berasaskan sistem pelaporan FISS baharu

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jumlah pinjaman terkumpul berkembang pada kadar tahunan sebanyak 6% pada akhir suku kedua (akhir S1: 6.2%), dengan pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan dan sektor isi rumah masing-masing berkembang pada kadar tahunan sebanyak 6% dan 7.2% (akhir S1: masing-masing 6.2% dan 7.6%).

Aktiviti memperoleh dana lebih giat dalam pasaran modal

Pada suku kedua, aktiviti memperoleh dana dalam pasaran modal lebih giat dengan ketara. Dana bersih yang diperoleh sektor awam dan swasta ialah sebanyak RM22 bilion, yang merupakan peningkatan ketara daripada jumlah sebanyak RM9.4 bilion yang diperoleh pada suku pertama 2007.

Sebahagian besar dana diperoleh sektor swasta, dengan dana kasar diperoleh daripada terbitan PDS sebanyak RM21 bilion (S1: RM7.6 bilion). Peningkatan ketara dalam terbitan PDS terutamanya disebabkan oleh aktiviti penyatuan dan pengambilalihan dalam sektor elektrik, gas dan air bernilai RM7.3 bilion. Selain itu, beberapa PDS diterbitkan oleh alat tujuan khas (Special Purpose Vehicles, SPV). Pada asas bersih, dana yang diperoleh melalui pasaran PDS, tidak termasuk Cagamas, berjumlah RM12.4 bilion (S1: RM2.5 bilion).

Sektor awam memperoleh dana kasar berjumlah RM12.6 bilion terutamanya melalui empat terbitan sekuriti Kerajaan. Ini termasuk satu terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 20 tahun, satu pembukaan semula MGS 5 tahun dan satu terbitan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) 10 tahun. Selepas membuat pelarasan bagi penebusan semula, dana yang diperoleh sektor awam lebih tinggi berbanding dengan suku sebelumnya, berjumlah RM10.7 bilion (S1: RM7.4 bilion).

Dana yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2005	2006			2007	
	Tahun	S1	S2	Tahun	S1	S2
	RM juta					
Oleh Sektor Awam						
Sekuriti Kerajaan, *kasar*	28,276	5,265	5,741	26,830	10,109	9,107
Tolak Penebusan	15,800	500	1,300	12,850	4,800	-
Tolak Milikan Kerajaan	-	-	-	-	-	-
Bersamaan Penerimaan bersih Persekutuan	12,476	4,765	4,441	13,980	5,309	9,107
Khazanah Bon, *bersih*	833	(1,700)	-	(630)	(1,020)	524
Terbitan Pelaburan Kerajaan, *bersih*	1,000	-	3,500	9,500	3,500	1,400
Bon Simpanan Merdeka, *bersih*	1,516	(500)	(502)	(1,931)	(358)	(375)
Dana Bersih yang Diperoleh	15,825	2,564	7,438	20,919	7,431	10,657
Oleh Sektor Swasta						
Saham	6,315	381	384	1,916	795	512
Sekuriti Hutang	38,196	10,574	10,784	38,887	7,582	20,971
Sekuriti Hutang Swasta (PDS)	35,656	6,889	8,819	31,737	6,232	20,571
Cagamas	2,540	3,685	1,965	7,150	1,350	400
Tolak Penebusan	18,617	5,498	7,684	31,519	6,390	10,038
Terbitan bersih	19,579	5,076	3,099	7,368	1,192	10,934
Terbitan bersih (tidak termasuk Cagamas)	22,224	2,993	3,314	11,120	2,547	12,379
Dana bersih yang Diperoleh	25,894	5,457	3,484	9,284	1,987	11,446
Jumlah Dana Bersih yang Diperoleh	41,719	8,022	10,922	30,203	9,418	22,103
Kertas dan Nota jangka pendek, *bersih*[1]	1,579	1,312	1,175	2,563	599	1,164
Jumlah	43,297	9,334	12,097	32,766	10,017	23,265

[1] Merujuk kepada Nota Cagamas dan Kertas Perdagangan sahaja.

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga / Nilai Terkumpul



Dalam pasaran ekuiti, dana yang diperoleh pada suku kedua menurun kepada RM512 juta (S1: RM795 juta). Dana ini diperoleh melalui tujuh tawaran awam awal (initial public offering, IPO) berjumlah RM512 juta. Pada suku itu, terdapat lapan penyenaraian baharu di Bursa Malaysia; lima di papan utama dan tiga di Papan Kedua. Kebanyakan penyenaraian itu adalah daripada sektor perkhidmatan dan produk pengguna.

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder berjumlah RM110.6 bilion pada suku kedua (S1: RM120.2 bilion). Sebahagian besar urus niaga adalah dalam Sekuriti Kerajaan (MGS dan GII), mencakupi 70% daripada jumlah urus niaga, diikuti oleh sekuriti hutang swasta yang mencakupi 27% daripada jumlah urus niaga. Dari segi mudah tunai, GII terus menjadi sekuriti paling cair, yang mencatat nisbah kecairan 0.92, diikuti oleh MGS dengan nisbah kecairan 0.30.

Hasil MGS melalui tempoh tidak menentu pada suku kedua. Antara awal bulan April hingga awal bulan Mei, hasil bon menurun sedikit antara 9 - 16 mata asas kerana jangkaan aliran masuk modal berikutan pengumuman langkah liberalisasi pasaran ekuiti dan harta tanah oleh Kerajaan. Spekulasi mengenai pelonggaran dasar monetari berikutan tersiarnya data eksport dan pengeluaran perindustrian yang lebih rendah menyebabkan hasil menjadi lebih

Trend Kadar Hasil MGS



Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih (29 Dis 2006 - 29 Jun 2007)



rendah sehingga sebanyak 37 mata asas pada tiga minggu pertama bulan Mei.

Walau bagaimanapun, keputusan Bank Negara Malaysia untuk tidak mengubah OPR pada mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari pada bulan Mei berserta dengan penjualan besar-besaran pasaran bon global pada bulan Jun, menyebabkan hasil MGS melonjak naik antara 41 - 67 mata asas. Namun begitu, pada akhir suku itu, hasil MGS bagi kesemua tempoh matang sehingga 8 tahun masih lebih rendah berbanding dengan paras pada suku sebelumnya, dengan hasil MGS 3 tahun dan 5 tahun masing- masing lebih rendah sebanyak 14 dan 7 mata asas. Hasil MGS 9 tahun dan 10 tahun meningkat sedikit, dengan MGS 10 tahun lebih tinggi sebanyak 3 mata asas. Hasilnya, kecerunan keluk kadar hasil menaik semula menjelang akhir suku itu.

Bursa Malaysia: Urus Niaga Sekuriti Korporat

	2006				2007					
	S2		ST1		S1		S2		ST1	
	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta
Urus niaga	57,775	68,662	103,763	122,333	118,982	156,614	88,297	141,623	207,279	298,238
Antaranya:										
Papan Utama	36,340	54,879	62,905	97,623	87,148	137,851	61,617	125,411	148,766	263,262
Antaranya:										
Produk Pengguna	1,320	4,245	3,128	9,079	1,796	4,695	2,020	5,052	3,816	9,748
Produk Industri	5,201	5,432	8,347	8,565	8,771	11,725	7,773	11,161	16,544	22,887
Pembinaan	3,676	4,799	6,724	7,919	7,469	16,864	5,080	12,734	12,550	29,598
Dagangan/Khidmat	8,855	19,699	15,046	34,684	20,181	44,458	16,266	43,536	36,447	87,993
Kewangan	3,218	9,562	5,929	18,608	8,846	28,428	5,530	21,173	14,377	49,601
Harta benda	7,090	2,928	11,196	4,968	16,381	11,369	12,125	13,277	28,506	24,646
Perladangan	782	4,118	1,301	6,826	1,341	8,318	2,064	10,689	3,405	19,007
Infrastruktur	1,048	2,103	2,061	3,705	1,539	3,231	943	2,335	2,481	5,567
Papan Kedua	6,792	5,304	12,629	9,835	8,527	4,955	11,000	7,903	19,527	12,858
Mesdaq	14,188	8,205	27,625	14,493	17,050	8,386	9,704	6,150	26,755	14,537

Sumber: Bursa Malaysia

KLCI terus bertambah baik pada suku kedua

Pada suku kedua 2007, KLCI menunjukkan prestasi kukuh sejajar dengan pasaran serantau meskipun kadar faedah global meningkat. Pasaran tempatan disokong oleh asas-asas ekonomi yang kukuh dan perkembangan positif dalam sektor perladangan dan harta tanah seperti harga minyak sawit mentah yang mencatat paras tertinggi dan pengumuman beberapa urus janji penswastaan. Di samping itu, pengumuman kenaikan gaji kakitangan awam dan perolehan korporat domestik yang memberangsangkan pada suku pertama juga positif terhadap pasaran. Pada suku kedua, KLCI meningkat 8.62% dan mengakhiri suku itu pada 1,354 mata (S1: 1,247). Permodalan pasaran lebih tinggi pada RM 1.088.3 bilion (S1: RM985.1 bilion). Walau bagaimanapun, aktiviti dagangan menurun dengan urus niaga harian purata sebanyak 1,427.5 juta unit (S1: 1,983 juta unit).

Pada 28 Ogos 2007, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,278.9 mata (sejak akhir tahun 2006: + 16.7%) dengan permodalan pasaran lebih tinggi pada RM988.1 bilion (sejak akhir tahun 2006: +16.4%).

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir				
	2006		2007		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
Indeks Harga					
Komposit	914.7	914.7	1,246.9	1,354.4	1,354.4
FBM30[1]	5,919.4	5,919.4	7,924.6	8,587.9	8,587.9
FBMEMAS[2]	5,973.7	5,973.7	8,332.8	9,107.9	9,107.9
Papan Kedua	93.7	93.7	99.3	110.7	110.7
Mesdaq	118.9	118.9	138.5	137.7	137.7
Urus niaga harian purata					
Jumlah (juta unit)	931.9	857.5	1,983.0	1,427.5	1,700.7
Nilai (RM juta)	1,107.5	1,011.0	2,610.2	2,298.4	2,451.7
Permodalan pasaran (RM bilion)	721.8	721.8	985.1	1,088.3	1,088.3
Bilangan syarikat yang disenaraikan	1,026	1,026	1,023	1,012	1,012

[1] FBM30 mewakili FTSE Bursa Malaysia 30 Indeks
[2] FBMEMAS mewakili FTSE Bursa Malaysia Emas Indeks

Sumber: Bursa Malaysia

Perkembangan Kadar Pertukaran Asing

Dalam keadaan aliran perdagangan dan pelaburan dua hala, ringgit terus bertambah kukuh berbanding dengan dolar AS pada awal suku kedua dan menambah nilai kira-kira 2% sehingga akhir bulan Mei. Walau bagaimanapun, kegawatan dalam pasaran kewangan global yang dicetuskan oleh perkembangan dalam pasaran subprima di AS pada bulan Julai berkesudahan dengan mata wang serantau termasuk ringgit menjadi lemah berbanding dengan dolar AS. Oleh itu, ringgit bersama-sama dengan mata wang serantau lain menyusut nilai berbanding dengan dolar AS, selepas menambah nilai bagi suatu tempoh yang berlanjutan sejak permulaan tahun. Walau bagaimanapun, bagi suku kedua secara keseluruhan, ringgit secara relatif tidak berubah berbanding dengan dolar AS. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menyusut nilai sedikit berbanding dengan paun sterling (1.9%) dan euro (0.7%), tetapi menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (4.8%). Berbanding dengan mata wang serantau pula, ringgit pada umumnya menyusut nilai dalam julat 0.8% - 4.1%, namun ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Singapura (1%).

Bagi tempoh 1 Julai - 28 Ogos, ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang utama dan serantau dalam julat 0.2% - 7.5%, tetapi menambah nilai berbanding dengan rupiah Indonesia (2.7%) dan won Korea (0.4%).

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih Peratus Pertukaran (1 April - 29 Jun 2007)



Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S2 06	S1 07	S2 07	21 Jul 05	S2 06	S1 07
Dolar AS	3.8000	3.6750	3.4560	3.4545	10.0	6.4	0.0
Euro	4.6212	4.6698	4.6105	4.6425	-0.5	0.6	-0.7
Paun sterling	6.6270	6.7352	6.7867	6.9171	-4.2	-2.6	-1.9
100 yen Jepun	3.3745	3.1963	2.9339	2.8000	20.5	14.2	4.8
Dolar Singapura	2.2570	2.3126	2.2781	2.2547	0.1	2.6	1.0
100 baht Thai	9.0681	9.6104	9.8785	10.000	-9.3	-3.9	-1.2
100 peso Filipina	6.8131	6.9047	7.1649	7.4692	-8.8	-7.6	-4.1
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0395	0.0379	0.0382	1.1	3.5	-0.8
100 won Korea	0.3665	0.3856	0.3674	0.3732	-1.8	3.3	-1.5
Renminbi China	0.4591	0.4598	0.4471	0.4535	1.2	1.4	-1.4

*(+) menunjukkan pengukuhan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai